



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEP)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## **KECERDASAN HISBAH SOSIAL DAN KEMENJADIAN MURID SEKOLAH MENENGAH**

### **HISBAH SOCIAL INTELLIGENCE AND THE EXCEL OF SECONDARY SCHOOL STUDENTS**

Mardzelah Makhsin<sup>1\*</sup>, Nor Hasimah Ismail<sup>2</sup>, Sawan @ Mohammad Syawal Narawi<sup>3</sup>, Hasanah Mohd Syukri<sup>4</sup>, Mohamad Fadhli Ilias<sup>5</sup>

<sup>1</sup> School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: mazfaniy@uum.edu.my

<sup>2</sup> School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: nhsimah@uum.edu.my

<sup>3</sup> School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: syawal@uum.edu.my

<sup>4</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, Malaysia  
Email: hasanahsyukri@gmail.com

<sup>5</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, Malaysia  
Email: ustazfadhl72@gmail.com

\* Corresponding Author

#### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 06.06.2021

Revised date: 22.06.2021

Accepted date: 17.08.2021

Published date: 05.09.2021

#### **To cite this document:**

Makhsin, M., Ismail, N. H., Narawi, S., Syukri, H. M., & Ilias, M. F. (2021). Kecerdasan Hisbah Sosial Dan Kemenjadian Murid Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (42), 188-203.

DOI: 10.35631/IJEP.642015.

#### **Abstrak:**

*Hisbah* adalah kawalan kendiri dan sosial terhadap pematuhan segala perintah Allah SWT iaitu *amar makruf nahi mungkar*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti komponen dan tahap *hisbah* sosial dan kemenjadian murid dari aspek akhlak. Tujuan kajian ini juga untuk mengenal pasti hubungan kecerdasan *hisbah* sosial dalam membentuk kemenjadian murid-murid sekolah menengah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan 281 orang murid. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang mengandungi 55 item, terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu latar belakang murid, kecerdasan *hisbah* sosial dan kemenjadian murid. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan peratus, kekerapan, skor min, sisihan piawai, ujian-t dan korelasi Pearson. Secara keseluruhan, dapatkan kajian menunjukkan purata skor min berada pada aras tinggi bagi tahap *hisbah* sosial ( $mean=4.17$ ) dan kemenjadian murid ( $mean=3.73$ ). Hasil analisis korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan yang sederhana antara kecerdasan *hisbah* sosial ( $r=0.439$ ,  $p<0.01$ ) dengan kemenjadian murid-murid sekolah menengah. Kajian boleh dijadikan panduan oleh pihak-pihak yang berkaitan termasuklah murid, ibu bapa, guru, pihak sekolah dan komuniti masyarakat untuk mengawal dan meningkatkan kecerdasan *hisbah* sosial yang

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



bertujuan membentuk keperibadian insan soleh yang melaksanakan *amar makruf nahi mungkar*.

### Kata Kunci:

Kecerdasan, *Hisbah*, Sosial, Kemenjadian, Murid Sekolah Menengah

### Abstract:

Hisbah is self and social control over the obedience to all the commands of Allah SWT, namely al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar. This study aims to identify the components and levels of social accountability and student development from a moral aspect. The purpose of this study is also to identify the relationship of social hisbah intelligence in shaping the well-being of secondary school students. This study uses a quantitative method involving 281 students. The research instrument used is a questionnaire containing 55 items, consisting of three main parts, namely the background of students, social intelligence, and student development. Data were analyzed descriptively and inferentially using percentage, frequency, mean score, standard deviation, t-test, and Pearson correlation. Overall, the findings of the study showed that the average mean score was at a high level for the level of social ratio (mean = 4.17) and student achievement (mean = 3.73). The results of correlation analysis showed that there was a significant relationship between social intelligence ( $r = 0.439$ ,  $p < 0.01$ ) with the well-being of high school students. The study can be used as a guide by relevant parties including students, parents, teachers, schools, and the community to control and improve the intelligence of social hisbah which aims to shape the personality of pious people who implement al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar.

### Keywords:

Intelligence, Hisbah, Social, Excel, Secondary School Students

## Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan akhlak mulia sebagai aspirasi dalam pembentukan insan. Dalam Islam, seseorang yang berpegang dengan ajaran agama dengan melaksanakan *amar makruf nahi mungkar* adalah seseorang yang mempunyai sahsiah atau akhlak mulia (Mardzelah et.al.,2020). Kecerdasan *hisbah* memberi implikasi secara langsung terhadap keberkesanan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembentukan akhlak murid, khususnya usaha mendidik secara berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Menurut al-Ghazali, pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk mengisi fikiran para pelajar dengan ilmu pengetahuan, tetapi juga untuk memupuk akhlak yang murni. Implikasi kecerdasan *hisbah* kendiri dan *hisbah* sosial secara langsung dalam aktiviti pendidikan berkeupayaan membentuk kemenjadian murid dalam pelbagai aspek khususnya dalam akademik, kokurikulum dan sahsiah (Mardzelah et.al.,2019). Dalam konteks ini, pengaruh persekitaran merupakan elemen penting dalam pembentukan watak, cara berfikir, sikap dan pembangunan para warga sekolah (Mahi 1998; Norhisham 2015; Norhannan 2016, Ridzuan 2017). Oleh itu, iklim dini merupakan persekitaran Islam yang perlu diberi perhatian dalam membentuk jati diri pelajar sekolah menengah agama. Persekitaran Islam yang baik juga mempengaruhi penghayatan agama dari aspek tingkah laku dan cara hidup. Hal ini mempunyai

perkaitan dalam menghasilkan keperibadian unggul serta menghayati nilai dan cara hidup Islam di samping mengejar pencapaian akademik yang cemerlang. Kedua-dua aspek ini sangat diperlukan oleh pelajar masa kini yang di sebut kemenjadian pelajar untuk membentuk generasi rabbani yang seimbang (Raihan Mohd Arifin & Kamarul Shukri Mat Teh, 2019).

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025 meletakkan kemenjadian murid menjadi agenda utama pendidikan di Malaysia, namun masalah keruntuhan akhlak murid didapati dalam senario yang membimbangkan. Antara punca yang dikenal pasti menyumbang kepada kemerosotan nilai akhlak adalah ketiadaan mekanisme kawalan dalam diri seseorang murid iaitu kecerdasan hisbah kendiri. Selain itu, kawalan luaran dikenali sebagai hisbah sosial yang terdiri daripada ibu bapa, guru, rakan sebaya, persekitaran sekolah dan persekitaran masyarakat juga turut mempengaruhi hilangnya nilai akhlak murid-murid. Setiap umat Islam dituntut mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar dalam kehidupan seharian. Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. amat mementingkan penghayatan beragama dalam kehidupan. Penghayatan hidup beragama dengan berpaksikan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah memberikan kesan yang signifikan dalam kehidupan manusia. Penghayatan hidup beragama terbukti melalui kajian mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti. Penghayatan hidup beragama seseorang individu Islam juga turut memberi ketenangan kepada emosi diri dan meningkatkan keyakinan dalam diri (Norul Huda dan Mariam, 2016). Kajian-kajian berkaitan kecerdasan hisbah kendiri dan kecerdasan hisbah sosial didapati masih tidak banyak dan perlu diperkembangkan dalam bidang pendidikan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh manakah kecerdasan hisbah kendiri dan kecerdasan hisbah sosial mempengaruhi pembentukan kemenjadian murid-murid.

## Sorotan Literatur

*Hisbah* sosial berperanan sebagai pengawasan luaran dalam kehidupan seharian. *Hisbah* sosial berfungsi mengawal tingkah laku murid berpandukan kelakuan atau sikap murid berteraskan kepada pendidikan anak-anak. Aplikasi *hisbah* sosial berupaya mempengaruhi atau menjadi sumber pembelajaran kepada proses tingkah laku dan penghayatan agama Islam seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial seperti permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan (Mardzelah, 2012). Amalan *hisbah* sosial dalam kehidupan adalah termasuklah elemen-elemen kemanusiaan seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat, atau juga elemen-elemen kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka (Zakaria, Ahmad dan Noranizah, 2012).

## Kecerdasan *Hisbah* Sosial

Kajian ini mengenal pasti kecerdasan *hisbah* melalui tanggungjawab sosial yang melibatkan ibu bapa, guru Pendidikan Islam, rakan sebaya, persekitaran sekolah dan jiran. Persekitaran sekolah juga merupakan faktor kecerdasan *hisbah* sosial murid. Berdasarkan laporan akhbar Berita Harian pada 3 Januari 2018, budaya positif di sekolah mampu membentuk akhlak mulia murid-murid. Budaya positif adalah kombinasi nilai-nilai baik yang diterapkan kepada manusia agar berakhlik mulia. Kemenjadian murid dapat dilihat berdasarkan kepada nilai-nilai baik yang diterapkan oleh pihak sekolah bermula daripada pengetua, guru, ibu bapa serta masyarakat begitu berperanan membudayakan murid ke arah berakhlik mulia. Salah satu faktor kecerdasan *hisbah* sosial adalah rakan sebaya yang menyumbang dan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap penghayatan akidah dan pembentukan akhlak dalam kalangan remaja sekolah (Asmawati, 2009). Guru dalam sistem pendidikan Islam perlu memenuhi segala tuntutan *qudwah hasanah* atau *role model* kepada masyarakat dan menjadi ejen perubahan

dalam masyarakat melalui pendidikan formal atau tidak formal. Guru berkewajipan menunjukkan akhlak yang baik supaya segala yang disampaikan mudah diikuti dan dipatuhi oleh murid (Ab. Halim dan Mohamad Khairul, 2010).

Abdul Razak dan Noraini (2011) dalam kajian mereka mengenai peranan ibu bapa menangani salah laku sosial remaja menyatakan bahawa ibu bapa juga mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembentukan akhlak remaja. Sikap prihatin dan ambil berat keluarga terhadap perkembangan diri seseorang murid dan pembelajarannya boleh mengawal dan menghasilkan kecerdasan *hisbah* sosial yang baik. Peranan ibu bapa juga sangat penting dalam proses pembersihan jiwa seseorang murid dengan mendidik dan memastikan anak-anak mereka bergaul dengan rakan yang baik akhlaknya (Mohd Nasir, 2010). Dapatkan kajian Rofidza (2017) dalam hubungan amalan *hisbah* sosial dalam penghayatan Pendidikan Islam murid-murid sekolah menengah juga menunjukkan adanya hubungan secara langsung antara amalan hisbah sosial dengan penghayatan Pendidikan Islam yang bertujuan membentuk kepribadian insan soleh yang mengutamakan keyakinan dan kepatuhan kepada Allah SWT.

### Kemenjadian Murid

Dalam kajian ini kemenjadian murid bermaksud keupayaan mencapai potensi diri yang sepenuhnya dalam penguasaan pengetahuan dan kemahiran, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri yang telah digariskan dalam Standard Kelima dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Kedua (SKPMg2). Pembentukan kemenjadian murid melibatkan interaksi sosial, komunikasi, dan kerjasama antara warga sekolah (Bronfenbrenner 1994). Ini secara tidak langsung pelajar dapat mempelajari sesuatu serta menjadi amalan bagi diri mereka jika dilakukan dengan kerap. Aktiviti-aktiviti yang berfaedah dapat membantu perkembangan sosial serta menyuburkan kemahiran yang akan mempengaruhi keperibadian diri dan tabiat seseorang pelajar. Menurut Halimah et al. (2013) dalam kajiannya '*Budaya awal pagi membentuk kemenjadian murid SMK Putrajaya Presint 11 (I)*' mendapati impak budaya awal pagi yang berfokuskan pembentukan kemenjadian murid dapat dilihat kecemerlangan akademik, kurikulum dan sukan, sahsiah yang mulia, murid yang berkeyakinan, kemampuan bersaing di peringkat global dan sikap sayangkan sekolah di kalangan murid. Ini menunjukkan kecerdasan *hisbah* kendiri iaitu kemampuan murid untuk mengikuti peraturan sekolah dan kecerdasan *hisbah* sosial iaitu persekitaran sekolah mempengaruhi kemenjadian murid.

Para cendekiawan Islam juga amat mementingkan aktiviti sebagai strategi untuk membentuk suasana atau persekitaran yang baik dalam kehidupan. Sebagai contoh, aktiviti solat berjemaah di awal waktu, berpuasa sunat, berzikir, bertadarus dan lain-lain aktiviti dapat memupuk pelajar ke arah yang lebih baik dan direndai Allah (Ibnu Khaldun 1967, 1993; Mahi 1998; Norhisham 2017; Ridzuan & Azimah 2017). Seterusnya aktiviti-aktiviti yang diamalkan ini akan menjadi amalan seharian mereka yang secara tidak langsung membentuk tabiat dan akhlak keperibadian yang mulia dalam diri pelajar. Hasil daripada aktiviti yang dijalankan mampu membentuk pelajar lebih berdikari, rasa takutkan Allah, bekerjasama, serta mampu bertindak dalam menyelesaikan masalah hidup dengan baik berlandaskan cara hidup Islam. Menurut Ibnu Khaldun (1967, 1993) lagi, cara untuk melawan hawa nafsu dan godaan syaitan daripada melakukan perbuatan keji ialah dengan melakukan serta mengamalkan aktiviti seperti berzikir dengan khusyuk dan berpuasa sunat untuk beberapa waktu. Aktiviti ini secara langsung dapat mematikan seluruh tuntutan jasmania yang ada dalam diri setiap individu. Oleh itu, jiwa yang sudah dijinakkan dengan zikir dan al-Quran akan lebih dekat dengan Allah yang menjadi roh dalam setiap nafas kehidupan (Raihan Mohd Arifin & Kamarul Shukri Mat Teh, 2019). Ini

selari dengan pandangan Syed Ali Ashraf (1990) yang berpandangan bahawa seseorang murid yang mempunyai kecerdasan *hisbah* sosial yang baik adalah seseorang yang mempunyai akhlak yang tinggi iaitu mengamalkan segala perintah Allah dan menjauhi laranganNya. Seseorang yang menghayati agama Islam akan dapat dilihat dari kesan fizikalnya serta dapat dilihat secara mata kasar dan dapat dirasai dengan mata hati (Muhammad Abu Bakar, 2005).

### **Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif secara tinjauan. Kaedah tinjauan melibatkan soal selidik murid-murid sekolah menengah di Perlis untuk mengenal pasti kecerdasan *hisbah* sosial dalam membentuk kemenjadian murid. Populasi kajian terdiri daripada murid tingkatan empat sekolah-sekolah menengah. Pengkaji menentukan saiz sampel secara rawak. Merujuk kepada jadual penetapan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), populasi sebanyak 280 orang pelajar tingkatan empat memerlukan bilangan minimum sampel ialah 162 orang murid. Soal selidik kajian terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A: latar belakang demografi, Bahagian B; Kecerdasan *Hisbah* Kendiri, Bahagian C; Kecerdasan *Hisbah* Sosial dan Bahagian D: Aspek Kemenjadian Murid. Pembinaan instrument diadaptasi daripada kajian Mardzelah (2012) yang bertajuk “*Hisbah dan penghayatan akhlak murid-murid sekolah menengah*”. Proses analisis data menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* atau SPSS Versi 22.0. Analisis data merangkumi statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif melibatkannya kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Manakala analisis statistik inferensi menggunakan ujian-t dan korelasi Pearson.

### **Perbincangan Dapatan Kajian**

Daripada analisis secara deskriptif menunjukkan skor purata keseluruhan kecerdasan *hisbah* sosial adalah tinggi ( $\text{min}=4.18$   $\text{sp}=0.987$ ). Dapatkan ini membuktikan tahap kecerdasan *hisbah* sosial murid yang terdiri daripada faktor ibu bapa, guru, rakan, persekitaran sekolah dan persekitaran masyarakat seperti jiran memainkan peranan dan tanggungjawab dengan amanah. Kecerdasan *hisbah* sosial ibu bapa berada pada tahap yang paling tinggi berbanding dengan *hisbah* guru, rakan, persekitaran sekolah dan jiran. Dapatkan ini mempunyai persamaan dengan hasil kajian Azhar (2005) yang memperlihatkan hanya faktor ibu bapa sahaja yang mempunyai pengaruh yang sangat tinggi, berbanding faktor guru masyarakat, sekolah dan rakan sebaya yang sederhana tinggi. Manakala analisis secara deskriptif menunjukkan dapatan skor min keseluruhan bagi kemenjadian murid berada pada aras yang tinggi ( $\text{min}=3.73$ ,  $\text{sp}=1.007$ ). Dapatkan ini menunjukkan murid mengamalkan penghayatan akhlak yang mulia melalui penerapan amanah dan tanggungjawab sebagai hamba Allah. Dengan penghayatan yang dilakukan secara berterusan, maka secara tidak langsung akan dapat menerapkan sifat taqwa ke dalam jiwnya. Seterusnya analisis korelasi Pearson digunakan untuk menjelaskan hubungan antara kecerdasan *hisbah* sosial dengan kemenjadian murid dari aspek penghayatan akhlak. Pengujian  $H_0$  mendapati terdapat hubungan yang positif dengan kekuatan hubungan yang sederhana antara kecerdasan *hisbah* sosial dengan kemenjadian murid-murid sekolah menengah ( $r=0.439$ ,  $p<0.01$ ). Hasil dapatan menunjukkan hubungan komponen kecerdasan *hisbah* sosial iaitu persekitaran sekolah adalah sederhana ( $r=0.439$ ,  $p<0.01$ ). Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh sistem pengurusan dan pentadbiran sekolah serta sistem kurikulum pendidikan di mana sekolah kajian adalah daripada jenis sekolah menengah kebangsaan. Komponen *hisbah* sosial ibu bapa juga menunjukkan hubungan yang sederhana dengan kemenjadian murid ( $r=0.450$ ,  $p<0.01$ ). Ini membuktikan bahawa ibu bapa kurang memainkan peranan dalam membantu murid untuk melaksanakan perintah Allah dengan mengamalkan nilai-nilai yang murni dalam kehidupan. Berikut perincian dapatan kajian analisis deskriptif dan analisis korelasi kajian ini:

### **Analisis Deskriptif Kecerdasan *Hisbah* Sosial**

Analisis deskriptif digunakan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan *hisbah* sosial murid-murid yang melibatkan lima komponen iaitu ibu bapa, guru Pendidikan Islam, rakan sebaya, persekitaran sekolah dan persekitaran masyarakat iaitu jiran. Hasil analisis deskriptif dalam jadual 1 menunjukkan bahawa skor purata bagi keseluruhan min kecerdasan *hisbah* sosial berada pada tahap yang tinggi (min=4.18 sp=0.987).

**Jadual 1: Skor Min Kecerdasan *Hisbah* Sosial**

<b>Komponen</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Interpretasi</b>
Ibu bapa	4.44	0.779	Sangat Tinggi
Guru	4.43	0.840	Sangat Tinggi
Persekutaran sekolah	4.23	1.015	Sangat Tinggi
Rakan	4.07	1.139	Tinggi
Persekutaran masyarakat (jiran)	3.68	1.146	Tinggi
Jumlah	4.17	0.984	Tinggi

### ***Hisbah* Sosial Ibu Bapa**

*Hisbah* ibu bapa atau penjaga adalah sebahagian faktor yang mempengaruhi *hisbah* sosial dianalisis secara deskriptif seperti dalam jadual 2. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa murid berpandangan bahawa ibu bapa mereka ‘menyuruh saya belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya di dunia dan akhirat’ (min=4.18 sp=0.987), ‘murid sayang ibu/bapa/penjaga kerana memberi nasihat dan bimbingan yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah’ (min=4.41 sp=0.853, ‘ibu bapa atau penjaga mengambil berat tentang solat’ (min=4.40 sp=0.790) dan ‘mendidik saya dengan keyakinan yang kuat terhadap Islam’ (min=4.25, sp=0.887).

**Jadual 2: *Hisbah* Sosial Ibu Bapa**

<b>Pernyataan</b>	<b>TP</b> (%)	<b>SS</b> (%)	<b>KK</b> (%)	<b>S</b> (%)	<b>SK</b> (%)	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Interpretasi</b>
Ibu/Bapa/Penjaga mendidik saya dengan keyakinan yang kuat terhadap Islam	0 (0)	8 (4.9)	24 (14.8)	49 (30.2)	81 (50.0)	4.25	0.887	Sangat Tinggi
Saya sayang ibu/bapa/penjaga kerana memberi nasihat dan bimbingan yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah	1 (0.6)	5 (3.1)	18 (11.1)	41 (25.3)	97 (59.9)	4.41	0.853	Sangat Tinggi
Ibu/Bapa/Penjaga saya menyuruh saya belajar	0 (0)	0 (0)	11 (6.8)	25 (15.4)	126 (77.8)	4.71	0.586	Sangat Tinggi

bersungguh-  
 sungguh  
 sehingga berjaya  
 di dunia dan  
 akhirat

Ibu/Bapa/Penjaga saya mengambil berat tentang solat	1 (0.6)	8 (4.9)	13 (8.0)	44 (27.2)	96 (59.3)	4.40	0.790	Sangat Tinggi
Jumlah						4.44	0.779	Sangat Tinggi

### Sosial Guru Pendidikan Islam

Analisis deskriptif bagi komponen *hisbah* guru sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi *hisbah* sosial adalah seperti dalam jadual 3. Dapatan kajian menjelaskan bahawa semua item dalam *hisbah* guru dalam aras sangat tinggi dan tinggi. Persepsi murid terhadap guru Pendidikan Islam ialah guru mereka ‘menyuruh murid mengamalkan amalan kebaikan dan menjauhi kemungkaran’ ( $\text{min}=4.72$ ,  $\text{sp}=0.605$ ), ‘sentiasa bersikap mesra dengan murid’ ( $\text{min}=4.62$ ,  $\text{sp}=0.687$ ), ‘bersungguh-sungguh dalam memotivasi pelajar’ ( $\text{min}=4.61$ ,  $\text{sp}=0.671$ ), ‘bersifat pendakwah’ ( $\text{min}=4.60$ ,  $\text{sp}=0.717$ ), ‘bersifat kasih sayang dan tidak pilih kasih antara murid yang diajarnya’ ( $\text{min}=4.51$ ,  $\text{sp}=1.023$ ), ‘melarang murid lelaki yang memakai rantai atau gelang tangan’ ( $\text{min}=4.47$ ,  $\text{sp}=0.879$ ), ‘memberi pendidikan serius’ ( $\text{min}=4.36$ ,  $\text{sp}=0.890$ ), ‘mengawal disiplin murid dalam bilik darjah’ ( $\text{min}=3.99$ ,  $\text{sp}=1.027$ ) dan ‘mendengar masalah murid’ ( $\text{min}=3.98$ ,  $\text{sp}=1.054$ ).

**Jadual 3: Hisbah Sosial Guru Pendidikan Islam**

Pernyataan	TP (%)	SS (%)	KK (%)	S (%)	SK (%)	Min	S.P	Interpretasi
Guru Pendidikan Islam bersifat kasih sayang dan tidak pilih kasih antara murid yang diajarnya	1 (0.6)	5 (3.1)	9 (5.6)	43 (26.5)	104 (64.2)	4.51	1.023	Sangat Tinggi
Guru Pendidikan Islam bersifat pendakwah	0 (0)	5 (3.1)	7 (4.3)	35 (21.6)	115 (71.0)	4.60	0.717	Sangat Tinggi
Guru Pendidikan Islam bersikap mesra dengan murid	0 (0)	3 (1.9)	10 (6.2)	32 (19.8)	117 (72.2)	4.62	0.687	Sangat Tinggi
Guru Pendidikan Islam bersungguh-	1 (0.6)	1 (0.6)	8 (4.9)	40 (24.7)	112 (69.1)	4.61	0.671	Sangat Tinggi

sungguh dalam memotivasiikan pelajar

Guru Pendidikan Islam mendengar masalah murid	0 (0)	21 (13.0)	28 (17.3)	46 (28.4)	67 (41.4)	3.98	1.054	Tinggi
Guru Pendidikan Islam mengawal disiplin murid dalam bilik darjah	1 (0.6)	17 (10.5)	29 (17.9)	51 (31.5)	64 (39.5)	3.99	1.027	Tinggi
Guru Pendidikan Islam memberi penjelasan dengan bahasa yang mudah	1 (0.6)	8 (4.9)	7 (4.3)	42 (25.9)	104 (64.2)	4.48	0.843	Sangat Tinggi
Guru Pendidikan Islam menyuruh murid mengamalkan amalan kebaikan dan menjauhi kemungkaran	0 (0)	3 (1.9)	4 (2.5)	29 (17.9)	126 (77.8)	4.72	0.605	Sangat Tinggi
Guru-guru melarang murid lelaki yang memakai rantai atau gelang tangan	2 (1.2)	7 (4.3)	9 (5.6)	39 (24.1)	105 (64.8)	4.47	0.879	Sangat Tinggi
Guru-guru memberi pendidikan serius tentang keburukan yang berkaitan dengan dadah	0 (0)	7 (4.3)	24 (14.8)	34 (21.0)	97 (59.9)	4.36	0.890	Sangat Tinggi
Jumlah						4.43	0.840	Sangat Tinggi

### Kecerdasan *Hisbah* Sosial Persekutaran Sekolah

Analisis secara deskriptif bagi komponen *hisbah* persekitaran sekolah adalah seperti dalam jadual 4. Dapatkan menunjukkan persepsi murid terhadap *hisbah* persekitaran sekolah berada pada aras sangat tinggi. Murid memberi persepsi bahawa ‘pihak sekolah mengambil tindakan

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

menyedarkan murid yang hisap rokok' ( $\text{min}=4.48$ ,  $\text{sp}=0.805$ ), 'pihak sekolah berusaha untuk mendidik murid tentang hubungan seks yang terlarang' ( $\text{min}=4.19$ ,  $\text{sp}=1.172$ ) dan 'pihak sekolah mengawasi murid dengan menerangkan kebaikan mengamalkan disiplin yang baik' ( $\text{min}=4.01$ ,  $\text{sp}=1.069$ ).

**Jadual 4: Hisbah Sosial Persekutaran Sekolah**

Pernyataan	TP (%)	SS (%)	KK (%)	S (%)	SK (%)	Min	S.P	Interpretasi
Pihak sekolah mengawasi murid dengan menerangkan kebaikan mengamalkan disiplin yang baik	4 (2.5)	13 (8.0)	28 (17.3)	49 (30.2)	68 (42.0)	4.01	1.069	Tinggi
Pihak sekolah mengambil tindakan menyedarkan murid yang hisap rokok	0 (0)	5 (3.1)	17 (10.5)	35 (21.6)	105 (64.8)	4.48	0.805	Sangat Tinggi
Pihak sekolah berusaha untuk mendidik murid tentang hubungan seks yang terlarang	11 (6.8)	5 (3.1)	17 (10.5)	38 (23.5)	91 (56.2)	4.19	1.172	Tinggi
Jumlah						4.23	1.015	Sangat Tinggi

### **Hisbah Sosial Rakan**

*Hisbah rakan* adalah salah satu faktor yang mempengaruhi *hisbah* sosial. Hasil analisis secara deskriptif dalam jadual 5 menjelaskan bahawa *hisbah rakan* berada pada aras tinggi dengan dua interpretasi skor min iaitu sangat tinggi dan tinggi. Persepsi murid terhadap rakan sebaya bahawa 'mereka benci rakan lelaki/perempuan suka memegang tubuh badan' ( $\text{min}=4.23$ ,  $\text{sp}=1.065$ ) dan 'benci kawan yang berpakaian tidak menutup aurat' ( $\text{min}=3.91$ ,  $\text{sp}=1.213$ ).

**Jadual 5: Hisbah Sosial Rakan**

Pernyataan	TP (%)	SS (%)	KK (%)	S (%)	SK (%)	Min	S.P	Interpretasi
Saya benci rakan lelaki/perempuan suka memegang tubuh badan	3 (1.9)	13 (8.0)	20 (12.3)	34 (21.0)	92 (56.8)	4.23	1.065	Sangat Tinggi

Saya benci kawan yang berpakaian tidak menutup aurat	7 (4.3)	21 (13.0)	21 (13.0)	43 (26.5)	70 (43.2)	3.91	1.213	Tinggi
Jumlah						4.07	1.139	Tinggi

### **Hisbah Sosial Persekutaran Masyarakat (Jiran)**

Hisbah jiran juga dikenal pasti sebagai faktor persekitaran masyarakat (jiran) yang mempengaruhi hisbah sosial dipaparkan dalam jadual 6. Dapatkan kajian menjelaskan bahawa persepsi murid terhadap hisbah jiran berada pada aras tinggi. Item ‘saya meminta izin terlebih dahulu daripada jiran ketika mengambil barang mereka’ (min=4.17, sp=0.986), ‘saya menghormati yang lebih tua daripada saya dengan perasaan malu, berdiri ketika mereka datang dan mencium tangan mereka’ (min=4.14, sp=0.877), ‘keluarga saya menerima aduan daripada jiran dengan hati yang terbuka’ (min=3.82, sp=1.074), ‘jiran saya menyuruh saya rajin belajar dan membantu keluarga’ (min=3.59, sp=1.326), ‘kami sekeluarga sentiasa menziarahi jiran yang sakit’ (min=3.54, sp=1.064), ‘jiran saya suka menegur jika bertemu dengan saya’ (min=3.54, sp=1.216), ‘saya memohon maaf jika melakukan kesalahan dengan jiran tetangga’ (min=3.45, sp=1.226) dan ‘jiran saya mendorong saya untuk melakukan segala yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang dalam Islam (min=3.16, sp=1.401).

**Jadual 6: Hisbah Sosial Masyarakat (Jiran)**

Pernyataan	TP (%)	SS (%)	KK (%)	S (%)	SK (%)	Min	S.P	Interpretasi
Jiran saya mendorong saya untuk melakukan segala yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang dalam Islam	31 (19.1)	20 (12.3)	37 (22.8)	40 (24.7)	34 (21.0)	3.16	1.401	Sederhana Tinggi
Saya memohon maaf jika melakukan kesalahan dengan jiran tetangga	12 (7.4)	24 (14.8)	46 (28.4)	39 (24.1)	41 (25.3)	3.45	1.226	Sangat Tinggi
Jiran saya suka menegur jika bertemu dengan saya	12 (7.4)	21 (13.0)	38 (23.5)	49 (30.2)	42 (25.9)	3.54	1.216	Tinggi
Kami sekeluarga sentiasa menziarahi jiran yang sakit	3 (1.9)	26 (16.0)	50 (30.9)	47 (29.0)	36 (22.2)	3.54	1.064	Tinggi

Saya menghormati yang lebih tua daripada saya dengan perasaan malu, berdiri ketika mereka datang dan mencium tangan mereka	0 (0)	2 (4.9)	28 (17.3)	59 (36.4)	67 (41.4)	4.14	0.877	Tinggi
Saya meminta izin terlebih dahulu daripada jiran ketika mengambil barang mereka	3 (1.9)	11 (6.8)	16 (9.9)	58 (35.8)	74 (45.7)	4.17	0.986	Tinggi
Keluarga saya menerima aduan daripada jiran dengan hati yang terbuka	7 (4.3)	12 (7.4)	32 (19.8)	63 (38.9)	48 (29.6)	3.82	1.074	Tinggi
Jiran saya menyuruh saya rajin belajar dan membantu keluarga saya	14 (8.6)	23 (14.2)	35 (21.6)	33 (20.4)	57 (35.2)	3.59	1.326	Tinggi
Jumlah						3.68	1.146	Tinggi

### Analisis Deskriptif Kemenjadian Murid

Analisis secara deskriptif dijalankan untuk mengenal pasti tahap kemenjadian murid-murid sekolah menengah dari aspek tahap penghayatan akhlak. Jadual 7 menjelaskan bahawa skor purata kemenjadian murid diinterpretasikan pada aras tinggi ( $\text{min}=3.73$ ,  $\text{sp}=1.007$ ). Item ‘saya menjauhi tempat perjudian’ menunjukkan skor min yang paling tinggi ( $\text{min}=4.80$ ,  $\text{sp}=0.544$ ) dengan interpretasi skor sebagai sangat tinggi. Manakala item ‘saya bertayammum untuk wuduk ketika tidak ada air’ berada pada skor min yang paling rendah ( $\text{min}=2.48$ ,  $\text{sp}=1.352$ ). Item ‘saya meluangkan masa untuk membaca hadis-hadis nabi’ juga diinterpretasikan berada pada aras sederhana tinggi ( $\text{min}=2.99$ ,  $\text{sp}=1.131$ ). Item ‘saya mengamalkan akhlak Rasulullah s.a.w. dalam kehidupan’ juga berada pada aras sederhana tinggi ( $\text{min}=3.51$ ,  $\text{sp}=0.992$ ) dan item ‘saya menepati waktu solat’ ( $\text{min}=3.04$ ,  $\text{sp}=1.033$ ).

**Jadual 7: Kemenjadian Murid**

<b>Pernyataan</b>	<b>TP (%)</b>	<b>SS (%)</b>	<b>KK (%)</b>	<b>S (%)</b>	<b>SK (%)</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Interpretasi</b>
Saya mentaati perintah Allah	1 (0.6)	15 (9.3)	36 (22.2)	55 (34.0)	55 (34.0)	3.91	0.993	Tinggi
Saya mengambil makanan yang halal	1 (0.6)	1 (0.6)	5 (3.1)	15 (9.3)	140 (86.4)	4.80	0.577	Sangat Tinggi
Saya berdoa kepada Allah untuk mencapai kejayaan	1 (0.6)	2 (1.2)	8 (4.9)	34 (21.0)	117 (72.2)	4.63	0.695	Sangat Tinggi
Saya menjauhi tempat perjudian	0 (0)	2 (1.2)	5 (3.1)	16 (9.9)	139 (85.8)	4.80	0.544	Sangat Tinggi
Saya meluangkan masa untuk membaca hadis-hadis nabi	10 (6.2)	54 (3.33)	46 (28.4)	32 (19.8)	20 (12.3)	2.99	1.131	Sederhana Tinggi
Saya merujuk guru agama bagi hukum yang tidak jelas	4 (2.5)	31 (19.1)	41 (25.3)	42 (25.9)	44 (27.2)	3.56	1.153	Tinggi
Saya menepati waktu solat	4 (2.5)	3 (1.9)	10 (6.2)	32 (19.8)	16 (9.9)	3.04	1.033	Sederhana Tinggi
Saya mengelak diri daripada terjebak dalam ajaran sesat yang menyeleweng seperti Black Metal	4 (2.5)	5 (3.1)	3 (1.9)	21 (13.0)	129 (79.6)	4.64	0.868	Sangat Tinggi
Saya ingat semua rukun iman	0 (0)	15 (9.3)	14 (8.6)	33 (20.4)	100 (61.7)	4.35	0.980	Tinggi
Saya bertayamum untuk wuduk ketika tidak ada air	53 (32.7)	36 (22.2)	33 (20.4)	23 (14.2)	17 (10.5)	2.48	1.352	Rendah
Saya menunaikan solat sunat tahiyyatul masjid apabila masuk masjid	21 (13.0)	57 (35.2)	27 (16.7)	33 (20.4)	24 (14.8)	2.89	1.290	Sederhana Tinggi

Saya sanggup berkorban untuk Islam	2 (1.2)	19 (11.7)	35 (21.6)	44 (27.2)	62 (38.3)	3.90	1.084	Tinggi
Saya membudayakan sifat-sifat kesempurnaan Allah Taala dalam memperbaiki kelemahan diri	1 (0.6)	16 (9.9)	46 (28.4)	48 (29.6)	51 (31.5)	3.81	1.011	Tinggi
Saya berusaha menyemai sifat ikhlas dalam setiap amalan yang dilakukan	2 (1.2)	11 (6.8)	28 (17.3)	62 (38.3)	59 (36.4)	4.02	0.966	Tinggi
Saya berjihad menguasai pelbagai bidang ilmu	1 (0.6)	30 (18.5)	40 (24.7)	50 (30.9)	41 (25.3)	3.62	1.076	Tinggi
Saya berusaha untuk menjauhi sifat mazmumah	1 (0.6)	11 (6.8)	28 (17.3)	62 (38.3)	60 (37.0)	4.04	0.935	Tinggi
Saya mengamalkan akhlak Rasulullah s.a.w. dalam kehidupan	0 (0)	29 (17.9)	51 (31.5)	52 (32.1)	30 (18.5)	3.51	0.992	Sederhana Tinggi
Saya muhasabah diri dalam mencapai kejayaan dalam pelajaran	0 (0)	16 (9.9)	31 (19.1)	61 (37.2)	54 (33.3)	3.94	0.960	Tinggi
Saya berusaha mempertingkatkan dakwah Islam dengan menunjukkan contoh teladan yang baik	0 (0)	26 (16.0)	35 (21.6)	52 (32.1)	49 (30.2)	3.77	1.055	Tinggi
<b>Jumlah</b>						<b>3.73</b>	<b>1.007</b>	<b>Tinggi</b>

### Korelasi Kecerdasan Hisbah Sosial dengan Kemenjadian Murid

$H_0$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan hisbah sosial dengan kemenjadian murid-murid sekolah menengah.

Dapatkan analisis korelasi dalam jadual 8 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan *hisbah* sosial dengan kemenjadian murid ( $r=0.439$ ,  $p<0.01$ ). Kelima-lima kategori kecerdasan *hisbah* sosial menunjukkan hubungan yang kukuh iaitu masyarakat (jiran) ( $r=0.608$ ,  $p<0.01$ ), guru ( $r=0.515$ ,  $p<0.01$ ), rakan ( $r=0.507$ ,  $p<0.01$ ), ibu bapa ( $r=0.450$ ,  $p<0.01$ ) dan sekolah ( $r=0.439$ ,  $p<0.01$ ). Hubungan positif ini menunjukkan kecerdasan *hisbah* sosial yang tinggi mempunyai pembentukan kemenjadian murid yang tinggi, manakala kecerdasan *hisbah* sosial yang rendah mempunyai pembentukan kemenjadian murid yang rendah. Oleh itu, hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan *hisbah* sosial dengan kemenjadian murid-murid sekolah menengah adalah gagal diterima.

**Jadual 8: Keputusan Korelasi Pearson Antara Kecerdasan *Hisbah* Sosial Dengan Kemenjadian Murid**

	r	Sig. (2 tailed)
Masyarakat (jiran)	.608**	.000
Guru	.515**	.000
Rakan	.507**	.000
Ibu bapa	.450**	.000
Sekolah	.417**	.000
Kecerdasan <i>Hisbah</i> Sosial	.439**	.000

\*Signifikan pada paras 0.05

\*\* Signifikan pada paras 0.01

### Penutup

Hasil dapatan kajian menunjukkan hubungan yang wujud antara boleh ubah bersandar dan boleh ubah bebas iaitu kecerdasan *hisbah* sosial mempengaruhi pembentukan kemenjadian murid-murid sekolah menengah. Kajian ini memberi implikasi dalam bidang pendidikan terutamanya bidang Pendidikan Islam tentang kecerdasan *hisbah* sosial. Dengan kata lain, kecerdasan *hisbah* sosial memberi kesan atau sumbangan positif dalam membentuk kemenjadian murid-murid sekolah menengah. Oleh itu, penglibatan semua pihak sebagai agen kawalan sosial amat membantu murid untuk menjadi seorang khalifah Allah yang beriman dan bertaqwah dengan melaksanakan *amar makruf nahi mungkar*. Dapatkan kajian ini juga telah banyak membantu dan memberi maklumat kepada ibu bapa, guru, rakan, sekolah dan jiran bahawa mereka mempunyai tanggungjawab sosial dalam membentuk kemenjadian murid dari aspek penghayatan akhlak.

### Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep muallim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Abdul Razak Zakaria & Noraini Mohd Salleh. (2011). Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1): 35-44.

- Asmawati Suhid (2009). Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Bronfenbrenner, U. (1994). Ecological Models of Human Development. international encyclopedia of education,3(2nd Ed). Oxford. Elsevier Sciences. 37–43
- Halimah Abdul Majid, Eow Yee Leng & Chuah Beng Ean. (2013). Budaya awal pagi membentuk kemenjadian murid SMK Putrajaya Presint 11 (1). Kertas kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan pada 2-4 Julai.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhamamad Khaldun al Hadrami.(1967). *The Muqaddimah: an introduction to history*. Translated and introduced by Franz Rosenthal. New Jersey. Princeton University Press.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhamamad Khaldun al Hadrami. (1993). Mukadimah Mukadimah Ibn Khaldun. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahi Din Sari. (1998). Iklim Dini di Sekolah. Jurnal Dakwah 1 (1): 33-47.
- Mardzelah Makhsin, Mohd Fadli Ilias & Mohd Aderi Che Noh. (2014). Amalan hisbah kendiri dalam pendidikan Islam: Kajian terhadap murid-murid sekolah memengah di Kedah. *The Online Journal of Islamic Education*, 2 (1).
- Mardzelah Makhsin. (2002). *Konsep hisbah dalam Islam: Kajian kes di kalangan anggota penguatkuasa kementerian perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Mardzelah Makhsin. (2008). *Hisbah : Sistem pengawasan dan etika pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mardzelah Makhsin. (2012). Hisbah dan penghayatan akhlak murid-murid sekolah menengah. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mardzelah Makhsin, Noor Fariyah Mohd Noor, NorHasimah Ismail, Abdul Manaf Bohari, Amirul, Fahmi Mat Sukeri. (2019). Journal of Self-Hisbah Reflection: Islamic Innovation and Creativity in Increasing Adolescent Religiosity and Resilience. International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE) ISSN: 2278-3075, Volume-8 Issue-7S2, May.
- Mardzelah Makhsin, Sawan @ Mohammad Syawal Narawi & Nor Hasimah Ismail. Evaluation of Mobile Learning Application in Hisbah Reflection Al-Nafs among Islamic Spirituality Students. International Journal of Advanced Science and Technology Vol. 29, No. 4s, (2020), pp. 2720 – 2727.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies* 11, 117-130.
- Mohd Nasir. (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Abu Bakar. (2005). Islam sebagai budaya dan peradaban: Ke mana? Di mana? *Jurnal Pemikir*, 39, 271-282.
- Muhammad Zul Helmi. (2010). *Kenal dan sucikan jiwamu*. Kuala Lumpur: Mulia Terang Sdn. Bhd.
- Muhsien Sulaiman (2014). *Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid berdasarkan Abu Talib Al-Makki*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor 'Azzah Kamri. (2013). *Pengawalan dalam pengurusan Islami*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.
- Norhannan Ramli. (2016). Prestasi Guru Pendidikan Islam Berasaskan Daya Kekuatan Dalaman, Kepimpinan Pengetua Dan Iklim Sekolah. Tesis PHD UM. Tidak diterbitkan.

- Norhisham Muhamad. (2015). Biah Solehah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). UPSI. Tesis PHD UPSI. Tidak diterbitkan.
- Norhisham Muhamad & Azmil Hashim (2017). Pelaksanaan Biah Solehah dan Kesan Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar di SMKA. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 8(1), 25-43.
- Norhisham Muhamad. (2015). Biah Solehah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). UPSI. Tesis PHD UPSI. Tidak diterbitkan
- Norul Huda Bakar & Mariam Abd Majid. (2016). *Faktor-faktor yang mempengaruhi penghayatan hidup beragama: Satu sorotan literatur*. Seminar Pembangunan Akidah Dakwah dan Syariah.
- Nursuhaili Baharuddin. (2010). *Hubungan antara kemahiran sosial dengan tingkah laku sosial dalam kalangan kanak-kanak pra sekolah tabika kemas*. Tesis sarjana. Universiti Sabah.
- Raihan Mohd Arifin & Kamarul Shukri Mat Teh. (2019). Kemenjadian Pelajar Berasaskan Strategi Dan Pelaksanaan Iklim Dini: Satu Konseptualisasi. *Asian People Journal (APJ)* Volume 2, Issue 1. PP 54-63. [www.uniszajournals.com/apj](http://www.uniszajournals.com/apj) [www.apjunisza.my](http://www.apjunisza.my).
- Ridzuan Ahmad & Azimah Abdullah. (2017). “Iklim dini” dan tahap penghayatan dalam kalangan guru pelatih IPGKSAH: satu kajian kes. *Jurnal Penyelidikan Khazanah*, (jld 19) IPG Kampus Sultan Abdul Halim.
- Rofidza Md Noh. (2017). *Amalan Hisbah Sosial dalam Penghayatan Pendidikan Islam Murid-Murid Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawan Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 155-172. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.